



AMANAT

**DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN
KETUA PENGARAH MAMPU**

**MAJLIS MALAM APRESIASI
1MOCC 2015**

#sehatisejiwa@MAMPU

6 November 2015 (Jumaat)

8.00 malam – 10.30 malam

**Dewan Serbaguna, Kementerian
Pengangkutan, Presint 4, Putrajaya**

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
wabarakatuh

Salam sejahtera,

Salam 1Malaysia: Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan

Salam Sehati Sejiwa

Yang dihormati Saudara dan Saudari
Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Dato' Kairul Annuar
Mohamed Zamzam

Naib Presiden Eksekutif (Kerajaan)

Telekom Malaysia Berhad

Yang Berbahagia

Datuk Haji Hashim Haji Ismail

Presiden Perbadanan Putrajaya

Yang Berusaha Dr. Aizi Razman bin
Ismail

Timbalan Ketua Pengarah (TPP)
MAMPU

Yang Berusaha Dr. Suhazimah binti
Dzazali

Timbalan Ketua Pengarah (ICT)
MAMPU

Ketua-ketua Perunding ICT Sektor
Awam

Pengarah-Pengarah Bahagian
MAMPU

Perunding-Perunding ICT Sektor
Awam

Tuan-Tuan dan Puan-puan Yang Di
Hormati Sekalian ,

Alhamdulillah, dipanjatkan syukur ke
hadrat Allah S.W.T. kerana dengan
limpah kurniaNya maka dapat kita
dapat bersama-sama berada dalam
Majlis Apresiasi 1 MOCC 2015. Malam
ini kelihatan suasana sangat berbeza
kerana tema yang dipilih adalah
“MASQUERADE DAN COSTUME”.

2. Justeru, malam ini lenggokan ucapan saya adalah lebih kontemporari kerana menggunakan puitis Melayu yang kaya dengan bahasa yang indah dan terpuji. Bunyi intonasi dan frasa kata yang saya akan bibitkan pastinya terdengar jika ianya sudah berada sedia:

DETIK MENYUSUR PERJALANAN 1MOCC

Ketika ini 1MOCC sedang Menyusur Perjalanan.

Dikendong pastinya seribu kenangan yang menggapai.

Ada kenangan yang dibicara itu seperti tingginya awan.

Adakah ianya mahu diukir menjadi kenangan atau ingauan.

1MOCC pasti tetap menyusur biar payah perjalanan.

Laluan di titi dan lorong dipedati tiada perhentian.

Justeru mahu mencari kepastian yang dikatakan sebagai pencarian.

Dengan panggilan berdering di telinga menjadi permainan.

Gagah dan dipapah kudrat penuh keikhlasan.

Di ruang ini banyak yang dibicarakan.

Apakah ada daya dan kekuatan untuk membina mercu tanda.

1MOCC teruskan perjalanan dalam liku-liku yang penuh cemuhan.

Halobakah kita untuk menjadi jaguhan yang memperihalkan kepayahan.

Perjalanan 1MOCC terus menyusur denai untuk gahkan yang pudar.

Adakah mereka yang memanggil sedar akan kepayahan atau kesusahan.

Pastinya yang bertanya mahukan jawapan tanpa simpati.

Jawapan yang diberi penuh dengan kreativiti dan tersemat.

Justeru mahukan keringat tidak terleleh tanpa dihemat.

Biarpun kepayahan berpapah dengan penuh gundah.

Pastinya jawapan yang menyusup kepada pemanggil terceria indah.

Kerana yang dihajati tercapai sudah dengan penuh gah.

Terangsang bilamana pujian dihambur dengan penuh bermadah.

Adakala terasa sedih bilamana tiada yang simpati jika terngadah.

Berpapah berterusan bukanlah prinsip yang digalas tapi mahu terasa gah.

1MOCC bagaikan percikan benang-benang yang indah.

Bicara yang dihamburkan bak seperti mutiara indah.

Jemari lembut tetap memegang gagang yang sudah pudar.

Perjalanan 1MOCC tetap diteruskan dengan bunga-bunga gembira.

Jemari tadi masih lagi bermain lembut pada jendela-jendela gundah.

Cuping telinga masih bersedia mendengar madah bermadah.

Maka dihela nafas panjang jika di hujung ada madah indah.

Terima kasih bunyi dilafazkan meredah celah.

Tertawa riang bilamana ungkapan sama diterima oleh kalian.

Mula terbit sinaran gembira dalam jantung samudera indah.

Dibelai akan pepohon pujian dan ungkapan manis cerah dan ceria.

Apakah yang serupa akan dibenteng dalam perjalanan.

Apakah masih sama irama dan seloka indah gurindam jiwa.

Belum pasti kerana banyak onak dan duri yang mencerna.

Pastinya 1MOCC akan terus menyusur perjalanan.

Perjalanan yang perlu diteruskan tanpa noktah.

Sekian,

Wabillahitaufig walhidayah wasalam
mualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Terima kasih.